

25 JUL 2004

Mahathir-Graduan

GRADUAN BERKHIDMAT DI LUAR NEGARA JUGA HARTA INTELEKTUAL NEGARA

MELAKA, 25 Julai (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad berkata graduan Malaysia yang kini mencurahkan kepakaran mereka di negara maju sepatutnya dianggap sebagai harta intelektual negara.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, negara maju terbabit perlu membayar kepada Malaysia di atas penggunaan kepakaran graduan terbabit.

"Kalau harta intelek mereka (negara maju) perlu kita bayar kalau kita ingin mendapatkan harta intelek itu, (kepakaran graduan Malaysia) ini juga harta intelek dan mereka juga perlu bayar kepada negara kita apabila mereka mengambil bakat yang baik daripada kita untuk bekerja di negara mereka," katanya.

Dr Mahathir ditemui pemberita selepas menerima anugerah ijazah Kehormat Doktor Sains Keilmuan dari Universiti Multimedia (MMU) pada hari kedua konvokesyen kelima universiti itu di Seri Negeri, Ayer Keroh di sini hari ini.

Anugerah itu atas sumbangan Dr Mahathir kepada pembangunan Teknologi, Komunikasi dan Maklumat (ICT) dan era keilmuan, disampaikan oleh Canselor MMU Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali yang juga isteri beliau.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas rayuan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi agar graduan Malaysia yang kini mencurahkan kepakaran masing-masing di merata dunia supaya kembali berbakti untuk sama-sama membangunkan negara.

Dr Mahathir berkata kerajaan telah membelanjakan wang yang begitu banyak untuk rakyatnya mendapatkan pendidikan tetapi apabila mereka sudah memiliki kepakaran, negara maju pula mengambil mereka yang berbakat itu bekerja di negara mereka tanpa perlu mengeluarkan belanja yang banyak.

Sehubungan itu, beliau berkata graduan Malaysia terbabit perlu pulang

ke tanah air bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga pakar tempatan.

"Biasanya penuntut Malaysia ini dia, apabila tamat pengajian, dia balik ke tanah air tetapi tentulah ada beberapa yang terus berada di sana kerana peluang kerja dengan gaji yang lebih tinggi mungkin mendorong mereka tinggal di luar negara kadang kala secara langsung," katanya.

Beliau berkata bagi menggalakkan mereka ini pulang berkhidmat di Malaysia, kerajaan perlu mewujudkan suasana kerja dan imbuhan yang setanding dengan apa yang mereka perolehi di luar negara.

"Ini tidak bermakna mestilah sama kerana kos sara hidup di Malaysia lebih rendah daripada negara-negara maju, bermakna walaupun mereka mendapat bayaran gaji yang besar tetapi di Malaysia dengan gaji separuh atau kurang daripada separuh mereka masih dapat hidup dengan keadaan yang sama seperti di luar negara," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana meneruskan usaha bagi membolehkan rakyat menguasai pelbagai ilmu terutamanya dalam ICT.

"Kalau kita banding dengan negara maju mungkin kita terbelakang tetapi di antara negara-negara membangun kita adalah di antara yang terdahulu untuk kita maju jauh ke hadapan dan kemungkinan kita menguasai ilmu ini adalah baik," katanya.

Seramai 2,585 graduan menerima ijazah masing-masing pada konvokesyen hari ini dan semalam.

-- BERNAMA

BD BK